PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

http://jurnal.plm.org.my/

JURNAL LINGUISTIK Vol. 18(2) Disember.2014 (079-89)

# Pengkategorian Kata Panggilan dalam Masyarakat Kelabit : Perspektif Sosiolinguistik

Mohammad Syawal Narawi & Nuraini Yusoff
syawal@uum.edu.my, nuraini@uum.edu.my
*Jabatan Pengajian Bahasa*
*Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden*
*Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia*

**Abstrak**
Kajian kata panggilan Kelabit dilakukan berdasarkan senario semasa dan permasalahan amalan kata panggilan dalam komuniti etnik Kelabit. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan penggunaan kata panggilan dalam masyarakat Kelabit berdasarkan perspektif sosiolinguistik. Kajian dijalankan di Tanah Tinggi Bario, Miri dan Bintulu, Sarawak. Sebelas etnik Kelabit yang berasal dari Tanah Tinggi Bario dan berumur antara 40 dan 70 tahun dijadikan sebagai informan. Sumber data utama diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian mendapati bahawa kata panggilan Kelabit berkaitan rapat dengan nilai sosio budaya masyarakat kelabit. Di samping itu, ia ditentukan oleh usia dan penggunaannya bergantung kepada keadaan, suasana serta pangkat orang yang disapa. Penggunaan kata panggilan Kelabit yang betul menggambarkan masyarakat Kelabit mempunyai nilai adab dan kesopanan dalam memanggil seseorang. Berdasarkan penganalisisan data, dapat disimpulkan bahawa kata panggilan Kelabit dapat dikategorikan kepada empat bahagian, iaitu kata panggilan kekeluargaan, kata panggilan umum, kata panggilan adat dan kata ganti nama.

**Kata kunci:** Masyarakat Kelabit, Kata panggilan, Tanah Tinggi Bario, Sosiolinguistik.

***Abstract***
*This study on terms of address practice is pursued based on current scenario, and issues related to terms of address practices within the Kelabit ethnic community. The aim of this research is to explain the categories on terms of address within the Kelabit society based on sociolinguistics perspectives. This research is conducted at Bario Highlands, Miri and Bintulu, Sarawak. Eleven Kelabit ethnic representatives from Bario Highlands ages between 40 and 70 participated as the study informants. The study used interview as its primary data, observation and document analysis. This study can be concluded that: the usage of terms of address is closely related to Kelabit socio culture. which is determined by age variable, context and the interlocutors. The correct usage of terms of address in Kelabit portrays courtesy and politeness in addressing and finally, Based on data analysis, it can be concluded that the usage of Kelabit terms of address divide in four categories: family terms of address, general terms of address, customs terms of address and pronouns.*

***Keywords:*** *Kelabit society, Terms of address, Bario Highlands, Sociolinguistics.*

## 1. Pengenalan

Sistem sapaan bermaksud sistem yang mengikat unsur-unsur bahasa yang menandai perbezaan status dan peranan partisipan dalam komunikasi dengan bahasa. Misalnya dalam bahasa Indonesia kata-kata seperti engkau, anda, saudara, dan sebagainya merupakan unsur-unsur daripada sistem sapaan (Harimurti, 1983: 155), Kata yang digunakan untuk merujuk kepada orang tertentu, untuk menunjukkan kedudukan sosialnya. (Kamus Linguistik, 1997: 119). Menurut Prasithrathsint dan Tingsbadh (1985:1), kata panggilan sebagai perkataan yang digunakan oleh seseorang untuk merujuk kepada orang yang disapa. Istilah ini tidak digunakan sewenang-wenangnya, tetapi sebagai penanda sosial bagi yang menyapa dan yang disapa.

Amster menjelaskan bahawa (1999: 184), masyarakat Kelabit berasal daripada Tanah Tinggi Kelabit yang mempunyai penduduk sekitar lima ribu orang pada pertengahan tahun 1990an yang sekali gus menjadi etnik terkecil di Sarawak Sementara Asmah Haji Omar (1983: 542), pula menyatakan etnik Kelabit mendiami kawasan tanah tinggi di tengah-tengah utara Borneo. Kawasan penempatan Kelabit hampir menyerupai bentuk seperti mangkuk yang dikelilingi gunung-ganang yang mempunyai ketinggian sehingga 8,000 kaki di kawasan timur laut Sarawak dan kawasan barat laut Borneo Indonesia Untuk sampai ke kawasan Tanah Tinggi Kelabit, pelawat boleh menaiki pesawat ringan dengan 11 tempat duduk. Namun demikian, penerbangannya tertakluk kepada keadaan cuaca. Cara lain untuk ke kawasan tersebut ialah dengan berjalan kaki yang mengambil masa sehingga mencecah seminggu dari bandar Miri. Menurut Robert Lian dan Lucy Bulan (1977; 1989), masyarakat Kelabit turut mengamalkan adab yang sopan dalam bertutur kata sama ada dengan komunitinya sendiri atau dengan masyarakat luar

Peredaran arus globalisasi yang melanda seluruh dunia turut menyebabkan perubahan terhadap struktur sosial dalam masyarakat etnik Kelabit. Pendidikan tinggi yang telah diterima masyarakat Kelabit telah mengubah pekerjaan dan pemikiran mereka. Selain itu, lebih daripada 80 peratus masyarakat etnik Kelabit telah berhijrah ke kawasan bandar dan kehidupan di rumah panjang yang penuh dengan amalan tradisi sukar dipertahankan. Pengaruh media massa juga telah menyerapkan banyak pengaruh asing ke dalam masyarakat etnik tersebut. Hal yang sedemikian turut menyebabkan berlakunya perubahan terhadap penggunaan aspek kata panggilan dalam bahasa Kelabit. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan kategori kata panggilan masyarakat Kelabit daripada perspektif sosiolinguistik.

## 2. Kajian Lepas

Kajian tentang bentuk kata panggilan pernah dibuat oleh Johnston pada tahun 1904 yang bertajuk *The Use of 'ella' , 'lei' and 'la' as polite forms of address in Italian*. Pada tahun 1960, Brown dan Gilman pula yang pernah mengkaji tentang kata ganti nama dalam bahasa-bahasa Eropah menghasilkan kajian mereka yang bertajuk *The Pronouns of Power and Solidarity*. Brown dan Ford (1961; 1964) juga turut menghasilkan kajian tentang kata panggilan dalam bahasa Inggeris Amerika yang bertajuk *Address in American English.* Kajian tentang bentuk sapaan atau bentuk panggilan dalam bahasa Melayu tidak banyak dilakukan. Namun demikian, terdapat juga beberapa orang pengkaji yang telah melakukan kajian tersebut sejak tahun 1958. Antara kajian yang telah dilakukan ialah *The Forms of Personal Address and Reference in Standard Spoken Malay* oleh Muhammed Yunus Maris (1958), *Decision and Variability: The Usage of Pronouns, Term of Address and Language from West Malaysia* oleh Noor Azlina (1975*), Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu* oleh Nik Safiah Karim (1981), *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik* oleh Amat Juhari Moain (1985), dan *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Suatu Analisis Sosiolinguistik* oleh Sumalee Nimmanupap (1994). Kajian lepas menunjukkan bahawa kata panggilan atau kata sapaan dalam sesuatu masyarakat ditentukan oleh beberapa faktor, antaranya umur, agama, status sosial, keturunan, lokasi, status ahli keluarga, status pekerjaan dan sistem nilai sosio budaya.

## 3. Metodologi

Semua data dan maklumat dikumpul dalam kajian kes kata panggilan yang berkaitan masyarakat Kelabit di tanah tinggi Bario, penempatan Kelabit di bandar Miri dan penempatan Kelabit di bandar Bintulu. Kajian kes yang lakukan ini menggunakan pendekatan kualitatif-fenomenalogikal kerana kajian ini banyak menggunakan data kualitatif

(Hammersley & Atkinson, 1995). Kajian ini mengkaji tentang fenomena penggunaan kata panggilan masyarakat Kelabit. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian tentang situasi penggunaan kata panggilan yang melibatkan masyarakat Kelabit di tiga lokasi yang telah dipilih bagi tujuan pengumpulan data dalam kajian kes. Kajian ini dilakukan dengan mengumpul data melalui pemerhatian, temu bual, catatan jurnal, rakaman video, fotografi dan analisis dokumen. Peserta kajian yang dipilih untuk tujuan pengumpulan data terdiri daripada informan yang terdiri daripada masyarakat etnik Kelabit yang berusia dalam lingkungan 40 tahun hingga 70 tahun. Informan yang dipilih sebagai penyumbang utama bahan kajian terdiri daripada11 orang, iaitu 3 orang dari bandar Bintulu, 3 orang dari bandar Miri, 5 orang dari kawasan Tanah Tinggi Bario, Miri.

Informan kajian yang dipilih untuk tujuan pengumpulan data terdiri daripada informan yang terdiri daripada masyarakat etnik Kelabit. Semua informan mesti berusia dalam lingkungan 40 tahun hingga 70 tahun (Patton, 1987). Ini kerana individu yang berusia dalam lingkungan 40 tahun hingga 70 tahun mempunyai pengalaman hidup yang lama serta mempunyai banyak maklumat tentang adat resam masyarakat sendiri. Informan yang dipilih sebagai penyumbang utama bahan kajian terdiri daripada sebelas orang. Tiga orang dari sekitar bahagian Bintulu, tiga orang dari sekitar bandar Miri dan lima orang dari kawasan tanah tinggi Bario, Miri. Dua daripada informan terdiri daripada perempuan dan selebihnya adalah informan lelaki. Dua orang informan dalam kajian ini adalah penganut agama Islam manakala selebihnya penganut Kristian Sidang Injil Borneo (SIB).

Perancangan kerja lapangan untuk kajian Kata Panggilan Masyarakat Kelabit ini terbahagi kepada 2 fasa, iaitu fasa 1: Perancangan Awal, dan fasa 2: Pelaksanaan Kerja Lapangan. Dalam fasa 1, perkara yang perlu ketahui berkaitan latar belakang, kebudayaan, adat resam serta cara akses ke kawasan tanah tinggi Bario. Selain itu, perkara asas berkaitan kata ucap selamat, kata panggilan yang asas dalam etnik Kelabit juga wajar difahami sebelum memulakan kajian ini.

Fasa 2 pula, dalam kajian ini beberapa perkara dilakukan seperti mengumpul data melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Pemerhatian bersifat komprehensif, iaitu berterusan dan menyeluruh. Penyelidik sedaya upaya cuba merakam semua maklumat yang berkaitan dengan sistem panggilan masyarakat Kelabit.

Pemerhatian yang dilakukan adalah bersifat tidak berstruktur dan cuba mencerap perspektif yang sebenar, yang berkaitan dengan sistem kata panggilan Kelabit. Nota dan catatan tentang fenomena berlaku perlu dianalisis dan disimpulkan serta merta sebaik sahaja sesuatu pemerhatian itu telah selesai dilakukan. Temu bual yang dilakukan tidak tetap kerana ia boleh jadi formal dan tidak formal atau berstruktur serta tertakluk kepada situasi pada ketika itu. Temu bual bersama informan terbahagi kepada empat bahagian, iaitu bahagian A tentang Asal-usul, Adat Resam dan Perkahwinan Masyarakat Kelabit, bahagian B tentang Penggunaan Bahasa, Sistem Panggilan dan Budaya Masyarakat Kelabit, bahagian C tentang Nama Rujukan dan Struktur Kepimpinan Masyarakat Kelabit dan bahagian D tentang Upacara Sambutan Penukaran Nama Masyarakat Kelabit.

## 4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini akan menghuraikan analisis kata panggilan masyarakat Kelabit. Kata panggilan masyarakat Kelabit dapat diklasifikasikan kepada empat bentuk kata panggilan, iaitu kata panggilan kekeluargaan, kata panggilan umum, kata panggilan adat dan kata ganti nama.

### Kata Panggilan Kekeluargaan

Kata panggilan Kelabit diwarisi dan diamalkan daripada generasi nenek moyang Kelabit. Kata panggilan kekeluargaan masyarakat Kelabit disediakan khusus bermula daripada keluarga asas sehinggalah kepada kata panggilan untuk sanak-saudara yang agak jauh seperti sepupu. Kata panggilan Kelabit diwarisi dan dipraktikkan secara lisan sehingga sekarang dan dapatan daripada kajian penyelidik, didapati tidak ada dokumentasi khusus dalam kata panggilan masyarakat Kelabit untuk rujukan generasi baharu Kelabit. Contoh penggunaan kata panggilan kekeluargaan adalah seperti yang dihuraikan dalam Jadual 1. Penerangan tentang kata panggilan kekeluargaan yang digunakan dalam masyarakat Kelabit ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kata Panggilan Kekeluargaan

| Kata Panggilan | Penerangan Makna Kata Panggilan |
|---|---|
| *Tepu'* [təpu\|] | Ayah atau Ibu kepada ibu kandung atau ayah atau ibu kepada bapa kandung si penyapa. |
| *Tepu' Dela'ih* [təpu\| dʌIɑ\|Ih] | Ayah kepada ibu kandung atau ayah kepada bapa kandung si penyapa. |
| *Tepu' Dedtur* [təpu\| dəd$^{h}$ur] | Ibu kepada ibu kandung atau ibu kepada ayah kandung si penyapa. |
| *Tama'* [tɑmɑ\|] | Ayah kandung kepada si penyapa. |
| *Sina'* [sinɑ\|] | Ibu kandung kepada si penyapa. |
| *Kinanak Dela'ih* [kInɑnɑk dʌIɑ\|Ih] | Saudara lelaki yang lebih tua daripada si penyapa atau saudara lelaki yang lebih muda daripada si penyapa. |
| *Kinanak Dedtur* [kInɑnɑk dəd$^{h}$ur] | Saudara perempuan yang lebih tua daripada si penyapa atau saudara perempuan yang lebih muda daripada si penyapa. |
| *Tetamah Menaken* atau [tətɑmɑh mʌnɑkən]<br>*Tetamah Benaken* [tətɑmɑh bʌnɑkən] | Adik-beradik lelaki kepada ayah atau ibu kandung si penyapa. |
| *Tesinah Menaken* [təsinɑh mʌnɑkən] | Adik-beradik perempuan kepada ayah atau ibu kandung si penyapa. |

Sembilan kata panggilan kekeluargaan Kelabit yang dianalisis, iaitu *Tepu', Tepu' Dela'ih, Tepu' Dedtur, Tama', Sina', Kinanak Dela'ih, Kinanak Dedtur, Tetamah Menaken atau Tetamah Benaken,* dan *Tesinah Menaken*. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan Ervin-Tripp (1986) yang menyimpulkan bahawa dalam peraturan yang ketiga, iaitu *Kin* (Persanakan) menyatakan individu yang disapa itu mempunyai hubungan kekeluargaan atau tidak, kerana dalam mana-mana masyarakat terdapat sistem sapaan yang tertentu dalam sesuatu keluarga. Namun demikian, kalau bukan ahli keluarga, si disapa itu hendaklah dilihat daripada sudut *friend* atau *colleague*, iaitu kawan atau rakan sejawat.

**Kata Panggilan Umum**

Kata panggilan kekeluargaan Kelabit mempunyai persamaan dengan kata panggilan umum. Dalam kata panggilan umum, individu yang dirujuk akan dipanggil dengan gelaran yang sama seperti dalam kata panggilan kekeluargaan. Kata panggilan umum dalam masyarakat Kelabit adalah kata panggilan yang digunakan untuk menyapa selain daripada ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah atau hubungan keluarga melalui perkahwinan atau merujuk anggota masyarakat lain.

Ringkasnya, dalam kata panggilan umum gelaran kepada seseorang dipengaruhi faktor usia individu yang dipanggil. Misalnya, individu lelaki yang seusia bapa akan dirujuk sebagai *Tama'* manakala individu wanita yang seusia ibu akan dipanggil sebagai *Sina'.* Kata panggilan yang menggunakan kosa kata *Tama'* dan kosa kata *Sina'* merupakan kata panggilan untuk merujuk bapa kandung dan ibu kandung kepada si pemanggil.

Berdasarkan kepada penggunaan kosa kata yang sama seperti huraian di atas, persamaan kata panggilan dalam keluarga dan kata panggilan umum menggambarkan hubungan persaudaraan yang erat dalam kalangan masyarakat Kelabit. Hal ini dapat menghubungkan silaturahim yang erat dan menggambarkan nilai hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat Kelabit sangat tinggi. Contoh Kata Panggilan Umum adalah seperti yang dihuraikan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Kata Panggilan Umum

| Kata Panggilan | Penerangan |
|---|---|
| *Tepu' Dela'ih* [təpu\| dʌIɑ\|Ih] | Orang tua yang seusia dengan datuk si penyapa |
| *Tepu' Dedtur* [təpu\| dəd$^{h}$ur] | Orang tua yang seusia dengan nenek si penyapa |
| *Tama'* [tɑmɑ\|] | Orang tua yang seusia dengan ayah kandung kepada si penyapa |
| *Sina'* [sinɑ\|] | Seorang tua yang seusia dengan ibu kandung si penyapa |
| *Kinanak Dela'ih* [kInɑnɑk dʌIɑ\|Ih] | Seorang lelaki yang seusia dengan abang kandung si penyapa |
| *Kinanak Dedtur* [kInɑnɑk dəd$^{h}$ur] | Seorang perempuan yang seusia dengan kakak kandung si penyapa |

Ringkasnya, berdasarkan kajian ini terdapat enam kata panggilan umum masyarakat Kelabit yang dikupas, iaitu *Tepu' Dela'ih, Tepu' Dedtur, Tama', Sina', Kinanak Dela'ih dan Kinanak Dedtur.* Variasi kata panggilan umum Kelabit mempunyai persamaan dengan kata panggilan kekeluargaan. Hal yang demikian saling berkait kerana dalam masyarakat Kelabit kata panggilan umum menggunakan kosa kata yang sama dengan kata panggilan keluarga dan faktor usia menjadi teras kepada penggunaan kata panggilan untuk menyapa seseorang.

Kajian ini selaras dengan dapatan Batik Bidin (2002) yang mendapati bahawa pertalian persaudaraan yang erat dalam masyarakat Iban dapat diperlihatkan daripada amalan penggunaan kata panggilan atau sapaan terhadap anggota keluarga, kerabat dekat atau orang luar yang bukan dalam lingkungan keluarga. Contohnya, apabila si penyapa berjumpa dengan orang seusia ayahnya, si penyapa boleh memanggilnya *apai* (bapa/ayah) atau *aya* (pak cik) dan apabila seusia dengan ibunya akan dipanggilnya *indai* (ibu/emak) atau *ibu* (mak cik). Ringkasnya, dalam masyarakat Kelabit faktor usia merupakan perkara yang diambilkira dalam menyapa seseorang dalam Kata Panggilan Umum masyarakat Kelabit. Apabila merujuk individu yang hendak disapa, seseorang itu hendaklah memperhatikan individu yang disapa sesuai dengan usia si disapa. Menyapa seseorang yang disapa seusia dengan datuk si penyapa, maka individu yang hendak disapa akan dipanggil sesuai dengan usia datuk tersebut.

**Kata Panggilan Adat**

Kata panggilan adat masyarakat Kelabit memperlihatkan gelaran atau nama baharu yang diberi kepada individu Kelabit tetapi tidak diberikan secara automatik kepada semua individu Kelabit. Hal yang demikian berlaku kerana kata panggilan adat ini diberi kepada individu Kelabit yang memenuhi beberapa kriteria dan syarat tertentu. Antara

kriteria utama dalam pemberian kata panggilan nama baharu ialah individu Kelabit tersebut mestilah pasangan suami isteri yang telah memperoleh cahaya mata atau pasangan datuk dan nenek yang memperoleh cucu.

Pemberian nama baharu dalam kata panggilan adat adalah penghargaan kepada pasangan suami isteri disebabkan dikurniakan cahaya mata atau pasangan datuk dan nenek yang telah dikurniakan cucu. Budaya unik masyarakat Kelabit dalam penggunaan kata panggilan diterjemahkan melalui pernyataan masyarakat Kelabit dalam mempraktikkan amalan memanggil atau menyapa individu lain dengan kata panggilan yang betul dan sesuai. Kata panggilan adat berbeza daripada kata panggilan kekeluargaan, kata panggilan umum dan kata ganti nama. Hal ini demikian kerana pemberian nama untuk kata panggilan adat perlu melalui proses upacara *Irau Mekaa' Ngadan*. Upacara penukaran nama dalam masyarakat Kelabit diadakan apabila pasangan suami isteri memperoleh anak pertama. Upacara yang serupa juga akan dilakukan sekali lagi bagi individu yang sama, sekiranya pasangan suami isteri ini memiliki cucu pada masa akan datang. Ringkasnya, upacara ini dapat dilakukan hanya apabila seseorang individu mempunyai anak dan menjadi ibu bapa atau mempunyai cucu serta bergelar datuk atau nenek.

Pemberian nama kepada individu masyarakat Kelabit yang mengadakan upacara *Irau Mekaa' Ngadan* berdasarkan beberapa peraturan. Antara peraturan tersebut termasuklah peraturan latar belakang individu, iaitu seseorang individu berkenaan mestilah mempunyai zuriat sendiri, berdasarkan asal usul keturunan keluarga, pencapaian akademik atau profesion individu berkenaan, pemilihan nama yang baik dan bersesuaian dengan individu berkenaan. Pemilihan nama berkenaan juga ditentukan oleh jawatankuasa khas yang terdiri daripada ahli keluarga dan individu yang arif dalam pemilihan nama sempena upacara *Irau Mekaa' Ngadan*. Dapat dirumuskan bahawa pemilihan nama dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit berdasarkan sumber tertentu yang antaranya dapat diklasifikasikan kepada 5 kategori, iaitu unsur agama, unsur alam, unsur fauna, nama kelas atasan dan lain-lain unsur. Contoh senarai kata panggilan mengikut kategori adalah seperti yang dihuraikan dalam Jadual 3, Jadual 4, Jadual 5, Jadual 6 dan Jadual 7.

Jadual 3. Senarai Kata Panggilan Unsur Agama

| **Kategori Unsur Agama** | |
|---|---|
| **Kata Panggilan** | **Makna Nama** |
| *Mada'* [mɑdɑ\|] | Makna yang berunsur keagamaan, Petunjuk, panduan, pengenalan, panggilan |
| *Karuh* [kɑruh] | Bahasa, perkataan |
| *Mada' Karuh* [mɑdɑ\| kɑruh] | Pengkhutbah, Paderi |
| *Mada' Ulun* [mɑdɑ\| ulun] | Mengesyorkan sesuatu yang baik, berkhutbah tentang hal yang baik dalam kehidupan |
| *Bala + Tu'uh* [bɑlɑ tu\|uh] | Khabar Benar |
| *Buren + Pelaba* [burən pəlɑbɑ] | Amat Dipuji |

Jadual 4. Senarai Nama Kata Panggilan Unsur Alam

| **Kategori Unsur Alam** | |
|---|---|
| **Kata Panggilan** | **Makna Nama** |
| *Apad* [apaːd] | Gunung |
| *Paran Kelapang* [paran kəlapaŋ] | Sungai yang terpanjang di penempatan Kelabit |

Jadual 5. Senarai Nama Kata Panggilan Unsur Fauna

| **Kategori Unsur Fauna** | |
|---|---|
| **Kata Panggilan /** | **Makna Nama** |
| *Balang* [balaŋ] | Harimau |
| *Kuir* [kuIr] | Harimau Bintang |
| *Balang + Apad* [balaŋ apaːd] | Harimau Gunung |

Jadual 6. Senarai Kata Panggilan Unsur Nama Kelas Pertama dengan Pangkal Kosa kata Aran

| **Kategori Unsur Nama Kelas Pertama** | |
|---|---|
| **Kata Panggilan** | **Makna Nama** |
| *Aran + Raja* [aran radʒa\|] | Berasal daripada kata akar Paran + Raja atau Permaisuri |
| *Aran + Pelaba* [aran pəlaba] | Berasal daripada kata akar Paran + Amat |

Jadual 7. Senarai Nama Kata Panggilan Kategori Unsur Lain

| **Nama Kategori Unsur Lain** | |
|---|---|
| **Kata Panggilan** | **Makna Nama** |
| *Saging* [sɑgiŋ] | Nama pilihan untuk anak lelaki tetapi tidak mempunyai makna khusus |
| *Kuta* [kutɑ] | Nama pilihan untuk anak lelaki tetapi tidak mempunyai makna khusus |
| *Melai* [məlɑi] | Nama pilihan untuk anak lelaki tetapi tidak mempunyai makna khusus |
| *Lian* [liɑn] | Nama pilihan untuk anak lelaki tetapi tidak mempunyai makna khusus |

Dalam kata panggilan adat, pemilihan nama adalah berdasarkan sumber tertentu yang antaranya dapat diklasifikasikan kepada 5 kategori, iaitu unsur agama, unsur alam, unsur fauna, nama kelas atasan dan lain-lain unsur. Contoh penggunaan kata panggilan adat dalam perbualan seharian masyarakat Kelabit seperti ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8. Penggunaan Kata Panggilan Adat dalam Perbualan

| **Bahasa Kelabit** | **Bahasa Malaysia** |
|---|---|
| *Anun ngadan anaq dela'ih* ***Maran Tadun****?* | Siapa nama anak lelaki **Maran Tadun**? |
| *Anun ngadan awan* ***Tama' Tolong Ribuh****?* | Siapa nama isteri **Tama' Tolong Ribuh**? |
| *Tudaq anaq* ***Tama' Tagung Bala****?* | Berapa orang anak **Tama' Tagung Bala**? |
| *Ngapah inan* ***Sina' Nabun Aran*** *mudah?* | Di mana **Sina' Nabun Aran** tinggal? |
| *Laq eme ngapah* ***Tepu' Tagung Aran****?* | **Tepu' Tagung Aran** hendak ke mana? |
| *Kapah* ***Tama' Aran Raja'*** *me Kuching?* | Bagaimana **Tama' Aran Raja'** datang ke Kuching? |
| ***Bala Tu'uh*** *mudang ngi Bario Spring Park.* | **Bala Tu'uh** tinggal di Bario Spring Park. |
| ***Balang Murud*** *pian eme ngi Australia.* | **Balang Murud** hendak pergi ke Australia. |
| *Me ngapeh* ***Sina' Balang Lipang****?* | **Sina' Balang Lipang** pergi ke mana? |
| *Sinih* ***Raja' Siwa*** *sapa'?* | Ini baju **Raja' Siwa**? |
| *Me ngapeh* ***Tama' Aran Pelaba****?* | **Tama' Aran Pelaba** pergi ke mana? |
| *Enun pakai* ***Tepu' Dela'ih****?* | Apa yang **Tepu' Dela'ih** gunakan? |
| *Peh ruma'* ***anak menaken Bayeh Ribuh****?* | Di mana rumah anak saudara **Bayeh Ribuh**? |

Bentuk kata panggilan adat masyarakat Kelabit berbeza daripada bentuk kata panggilan kekeluargaan, bentuk kata panggilan umum dan bentuk kata ganti nama. Pemilihan nama untuk merujuk individu tertentu dalam kata panggilan adat perlu melalui proses upacara penukaran nama / *Irau Mekaa' Ngadan*. Dalam sambutan upacara penukaran nama kepada pasangan yang terlibat kata panggilan baharu akan diberikan kepada individu tersebut. Gelaran atau kata panggilan yang baharu akan diberikan kepada mereka dalam upacara yang gilang-gemilang.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa pemberian gelaran nama baharu dalam upacara penukaran nama bersandarkan dasar dan peraturan yang digariskan dalam upacara penukaran nama yang telah diamalkan sejak generasi Kelabit terdahulu. Pemberian nama kepada individu masyarakat Kelabit berteraskan peraturan dan latar belakang individu. Antara peraturan yang perlu dipatuhi dan diikuti ialah:

a. Mempunyai Zuriat

Pasangan suami isteri yang mempunyai anak kandung sahaja yang berhak mengadakan upacara tersebut. Pasangan yang tidak mempunyai anak kandung tidak layak untuk mengadakan majlis upacara penukaran nama walaupun pasangan tersebut mengambil anak angkat.

b. Keturunan / Status Keluarga

Pemilihan nama yang diberikan kepada pasangan tersebut adalah berdasarkan nama yang telah biasa diberikan kepada generasi keluarga tersebut berdasarkan status keluarga.

c. Pencapaian Akademik / Profesion

Pemilihan nama kepada individu Kelabit juga mengambil kira terhadap pencapaian dalam bidang akademik ataupun bidang profesion yang disandang oleh individu itu.

d. Pemilihan Nama yang Baik

Pemilihan nama tersebut juga berteraskan nama yang mempunyai makna dan konotasi yang baik serta dapat menggambarkan latar belakang yang bersesuaian dengan penerima tersebut. Nama-nama yang dipilih berasaskan nama-nama pahlawan atau individu terkenal dalam kalangan masyarakat Kelabit.

e. Dipilih oleh Jawatankuasa Khas

Pemilihan nama kepada individu yang telah mengadakan *Upacara Irau Mekaa' Ngadan* adalah dipilih oleh Jawatankuasa khas yang terdiri daripada ahli keluarga individu tersebut. Individu itu akan dirujuk berdasarkan nama yang telah dipilih oleh Jawatankuasa tersebut.

**Kata Ganti Nama**

Hasil daripada penyelidikan yang dilakukan tentang kata ganti nama Kelabit, dapat dirumuskan bahawa tiga daripada kosa kata *uih*, *duih* dan *kuh* merupakan ganti nama pertama yang digunakan secara meluas dan dominan dalam kalangan masyarakat Kelabit.

Tiga daripada kosa kata ganti nama kedua, iaitu kosa kata *iko*, *muh* dan *mudih* merupakan kata ganti nama yang mempunyai signifikan yang tersendiri. Ketiga-tiga kosa kata ganti nama ini mempunyai dua peranan, iaitu dapat bertukar fungsi daripada ganti nama tunggal kepada kata ganti nama jamak. Perubahan fungsinya bergantung kepada konteks perbualan. Contoh kategori kata ganti nama Kelabit seperti yang dipaparkan dalam Jadual 9.

Jadual 9. Pengkategorian Ganti Nama Pertama, Ganti Nama Kedua dan Ganti Nama Ketiga

| Ganti nama diri | Tunggal | Jamak |
|---|---|---|
| **Pertama** | *uih, kuh, kudih* | *kamih, tauh* |
| **Kedua** | *iko, medueh, muh, mudih* | *iko, ikoy, muh, mudih* |
| **Ketiga** | *iya, nĕdi* | *idah, dĕdih* |

Contoh penggunaan kata ganti nama dalam perbualan seharian masyarakat Kelabit seperti ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10: Penggunaan Ganti Nama dalam Perbualan

| Bahasa Kelabit | Bahasa Malaysia |
|---|---|
| *Anun ngadan **mudih**?* | Siapa nama **awak / kamu**? |
| *I **iko** nah?* | Siapa **awak / kamu**? |
| *Tudaq anaq **mudih**?* | Berapa orang anak **kamu**? |
| *Ngapah inan **muh** mudah?* | Di mana **awak / kamu** tinggal? |
| *Laq eme ngapah **iko**?* | **Awak / kamu** hendak ke mana? |
| *Kapah **iko** me Bario?* | Bagaimana **awak / kamu** datang ke Bario? |
| ***Uih / Uwih** mudang ngi Bario.* | **Saya** tinggal di Bario. |
| ***Uih / Uwih** pian eme ngi Bario.* | **Saya** hendak pergi ke Bario. |
| *Me ngapeh **medueh**?* | **Kamu** pergi ke mana? |
| *Sinih **diko** bukuh?* | Ini buku **awak / kamu**? |
| *Me ngapeh **muyuh**?* | **Kamu semua** pergi ke mana? |
| *Enun pakai **muh**?* | Apa yang **awak** gunakan? |
| *Peh sapa' **mudih**?* | Di mana baju **kamu**? |

Kata ganti nama diri dalam bahasa Kelabit dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu ganti nama diri pertama, ganti nama diri kedua dan ganti nama diri ketiga. Ganti nama diri juga boleh merujuk kepada jumlah tunggal atau jamak. , kata ganti nama diri bahasa Kelabit digunakan oleh seseorang untuk merujuk diri sebagai pihak pertama atau pihak kedua atau pihak ketiga mengikut konteks semasa berinteraksi dengan orang lain. Didapati bahawa kata ganti nama Kelabit tidak banyak variasi kerana struktur sosial masyarakat Kelabit tidak begitu kompleks dan tidak mempunyai golongan istana.

## 5. Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan kata panggilan Kelabit kekal sehingga kini. Masyarakat Kelabit mempunyai pelbagai cara dan bentuk kata panggilan keluarga dalam menyampaikan hubungan dengan pihak yang disapa. Kepelbagaian kata panggilan yang digunakan merupakan kombinasi amalan tradisi masyarakat Kelabit dan kata panggilan yang muncul akibat pengaruh budaya barat dan budaya Melayu.

Seperti kepentingan bahasa atau dialek lain, kepelbagaian kata panggilan Kelabit menggambarkan kepentingan amalan untuk mendidik generasi muda atau anak-anak supaya menghormati orang tua atau orang lain yang lebih dewasa dan mengamalkan budaya bersopan santun. Mesej lain yang disampaikan menerusi kata panggilan

ialah mendidik generasi muda menggunakan kata panggilan yang sesuai dan sopan agar tidak menyinggung perasaan pihak yang disapa (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2012). Pengunaan kata panggilan yang merupakan satu warisan leluhur dan diamalkan sehingga kini diharapkan dapat diperkasakan penggunaannya oleh generasi muda agar menambahkan lagi khazanah warisan bangsa (Rozaimah Rasidin & Nor Diyana Saupi, 2011)

Dalam masyarakat Kelabit, perkaitan antara bahasa dan budaya sangat erat kerana aspek berbahasa menggambarkan budaya masyarakat Kelabit yang menerapkan nilai-nilai kesantunan. Aspek budaya Kelabit yang menjadi warisan turun-temurun diterjemahkan melalui perlakuan pertuturan dan amalan adat resam kehidupan. Selain itu, penggunaan kata panggilan Kelabit juga ditentukan oleh usia dan penggunaannya bergantung kepada keadaan, suasana serta pangkat orang yang disapa.

## Rujukan


Amat Juhari Moain. (1985). *Sistem panggilan dalam bahasa Melayu: suatu analisis sosiolinguistik.* (Disertasi Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan) Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Amster, Matthew H. (1999). "Tradition", ethnicity, and change: Kelabit practices of name changing. *Sarawak Museum Journal*, 75(12), 183-200.

Asmah Hj. Omar. (1983). *The Malay peoples of Malaysia and their languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Batik Bidin. (2002). *Penggunaan kata panggilan dan kata ganti nama diri bahasa Iban: Suatu tinjauan sosiolinguistik.* (Tesis Master Sastera yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Brown, R. & Gilman, A. (1960). The pronouns of power and solidarity. Dalam Thomas A. Sebeok (Eds.). *Style in language* (253-257) Massachusetts: The M.I.T. Press.

Dewan Bahasa & Pustaka. (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Pengarang.

Ervin-Tripp, S. M. (1986). Sociolinguistics Rules: Alternation and Co-Occurrence. Dalam J. Gumperz & D. Hymes (Eds.). *Direction in Sociolinguistics: The ethnography of Communication (175 – 193)* New York-Sydney: Holt Rinehart and Winston Inc.

Harimurti Kridalaksana. (1983). *Fungsi bahasa dan sikap bahasa*, Ende Flores: Nusa Indah.

Hammersley, M. & Atkinson, P. (1995). *Ethnography: Principles and practice* (2nd Ed.). London and New York: Routledge.

Patton, M. Q. (1987) How to use qualitative methods in evaluation. USA: Sage

Prasithrathsint, Amara, dan Tingsbadh, Kalaya M.R. (1985). *The use of address terms in Thai during the bangkok period,* dlm. *The 18th international conference of Sino –Tibetan languages and linguistics*, Bangkok, 27 - 29 Ogos, hlm. 1 – 2.

Robert Lian R. Saging. (1977). *An ethno-history of the Kelabit tribe of Sarawak. A brief look at the Kelabit tribe before WWII and after.* (Unpublished project paper) Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Robert Lian R. Saging, & Lucy Bulan. (1989). Kelabit ethnography: A brief report, *The Sarawak Museum Journal, 61*(12), 89-118.

Rozaimah Rashidin & Nor Diyana Saupi (2011), "Kata Ganti Nama Dalam Dialek Kerinci". *Jurnal Linguistik*, Jilid 14: 1-16.

Sumalee Nimmanupap. (1994). *Sistem panggilan dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai – Suatu analisis sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yunus Maris. (1958). *The forms of personal address and reference in standard spoken Malay*. (Unpublished master thesis). University of London, UK.

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2012), "Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Dalam kalangan Remaja Di sekolah". *Jurnal Linguistik*, Jilid 16: 62-74.